

## Cadangan Pengajaran Buku Bacaan 4 dan Buku Aktiviti 4

<b>Topik</b>	Di Bandar
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 3.1.5, BM 3.2.1
<b>Tunjang Bersepadu</b>	KD 3.2
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 2 Buku Aktiviti 4 – halaman 2 Kad manila, gunting, pelekat, kad gambar dan kereta mainan

### Aktiviti yang Dicadangkan

#### Buku Bacaan

- Guru membawa empat buah kereta mainan ke kelas dan memberikannya kepada setiap kumpulan.
- Guru menghasilkan satu laluan bermula dengan titik A hingga ke titik B menggunakan kad manila. Sepanjang laluan itu ada kad gambar stesen minyak, lampu isyarat, pejabat pos, restoran, balai polis, balai bomba, pasar raya, bank, klinik dan hospital.
- Guru meminta kanak-kanak melalui titik A hingga ke titik B. Guru meminta kanak-kanak menyebutkan nama bagi kad gambar yang dijumpai sepanjang laluan tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak mengenal pasti tempat-tempat yang ada di bandar seperti yang terdapat pada halaman 2.

#### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 2.

<b>Topik</b>	Di Bandar
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.4.3, BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.2.3
<b>Tunjang Bersepadu</b>	KD 3.2
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 3 Buku Aktiviti 4 – halaman 3 Bongkah, pelekat dan kad gambar

### Aktiviti yang Dicadangkan

#### Buku Bacaan

- Guru menyediakan bongkah-bongkah yang telah dilekatkan dengan kad gambar pasar raya, stesen minyak, restoran, pejabat pos, bank dan klinik.
- Guru menyusun kedudukan bongkah-bongkah tersebut seperti yang terdapat pada halaman 3.
- Guru membimbing kanak-kanak mengenal pasti kedudukan seperti di hadapan, di belakang, kiri dan kanan.

#### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 3.

<b>Topik</b>	Di Bandar
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.4.4, BM 3.2.3
<b>Tunjang Bersepadu</b>	KD 2.3, KD 3.2
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 4 Buku Aktiviti 4 – halaman 4 Kad gambar

#### Aktiviti yang Dicadangkan

##### Buku Bacaan

- Guru mengadakan sesi soal jawab bersama kanak-kanak.
- Contohnya, guru menunjukkan kad gambar pejabat pos atau klinik sambil mengajukan soalan seperti “Mengapakah kita pergi ke pejabat pos?” atau “Mengapakah kita pergi ke klinik?” dan sebagainya.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 4.

##### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 4.

<b>Topik</b>	Di Bandar
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.2.5
<b>Tunjang Bersepadu</b>	KE 2.1, KE 3.3
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 5 Buku Aktiviti 4 – halaman 5 Pinggan kertas, warna air, berus warna, palet, bekas air, kain dan air

#### Aktiviti yang Dicadangkan

##### Buku Bacaan

- Guru membahagikan kanak-kanak kepada empat kumpulan dan memberikan tiga pinggan kertas kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta kanak-kanak mewarnakan pinggan kertas tersebut dengan warna merah, kuning dan hijau.
- Guru meminta seorang daripada ahli kumpulan (kanak-kanak A) memegang pinggan kertas yang telah diwarnakan. Kanak-kanak yang lain pula berlakon seperti kereta. Kanak-kanak beratur memanjang dan memegang baju kawan-kawannya. Contoh permainannya ialah jika kanak-kanak A menunjukkan pinggan kertas berwarna merah, kanak-kanak yang lain perlu berhenti bergerak. Jika kanak-kanak A menunjukkan pinggan kertas berwarna hijau, kanak-kanak yang lain sudah boleh bergerak.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 5.
- Guru juga berbincang dengan kanak-kanak tentang soalan KBAT yang diberi. Contoh jawapan untuk soalan KBAT pada halaman 5 ini ialah mengelakkan kemalangan, mematuhi undang-undang jalan raya dan sebagainya.

##### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 5.

<b>Topik</b>	Di Bandar
<b>Standard Kandungan</b>	BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 3.1.5, BM 3.2.1, BM 3.2.3
<b>Tunjang Bersepadu</b>	FK 1.1, KD 3.2
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 6 Buku Aktiviti 4 – halaman 6 Pen penanda, papan putih, pelekat dan kad gambar

#### Aktiviti yang Dicadangkan

##### Buku Bacaan

- Guru menulis perkataan seperti “pejabat pos”, “restoran”, “bank” dan “klinik” pada papan putih.
- Guru meminta kanak-kanak menampalkan kad gambar yang diberi di sebelah perkataan-perkataan yang ditulis dengan betul.
- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan ulang kaji pada halaman 6.

##### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 6.

<b>Topik</b>	Membeli-belah
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.4.3, BM 3.1.4, BM 3.1.5, BM 3.2.3
<b>Tunjang Bersepadu</b>	FK 1.1, KD 3.2
<b>Bahan Pengajaran</b>	Buku Bacaan 4 – halaman 7 Buku Aktiviti 4 – halaman 7 Kad gambar, kad huruf, pelekat dan kertas mahjung

#### Aktiviti yang Dicadangkan

##### Buku Bacaan

- Guru membahagikan kanak-kanak kepada tiga kumpulan.
- Guru menampalkan kad gambar pada kertas mahjung. Guru juga menampalkan kad huruf yang tidak tersusun di bawah setiap kad gambar. Kemudian, kertas mahjung ini diberikan kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta kanak-kanak menyusun dan menampal semula kad huruf tersebut dengan betul berpandukan kad gambar yang diberi.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca frasa dan membuat latihan pada halaman 7.

##### Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 7.

<b>Topik</b>	Membeli-belah
<b>Standard Kandungan</b>	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
<b>Standard Pembelajaran</b>	BM 2.4.4, BM 3.2.3
<b>Tunjang Bersepadu</b>	KE 2.1, KD 2.3